



UM.C/ICR/625
21 Jun 2017



Timbalan Naib Canselor
Pendaftar
Bendahari
Pemangku Pustakawan
Dekan/ Pengarah Akademi/ Institut/ **Fakulti** / Pusat
Pengetua Kolej Kediaman
Ketua-ketua Jabatan
Presiden PKAUM/ KKAUM

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PENGUNAAN BILIK COURT DI BANGUNAN CANSELERI LAMA UNIVERSITI MALAYA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, penggunaan Bilik Court di Bangunan Canseleri Lama Universiti Malaya (UM) seringkali digunakan untuk sebarang majlis atau mesyuarat terutamanya yang melibatkan pihak dalam atau luar UM.


Sukacita dimaklumkan bahawa mulai 1 Julai 2017, Pihak Pengurusan UM telah bersetuju agar penggunaan Bilik Court hanya boleh digunakan atau tempahan bilik tersebut adalah eksklusif untuk majlis atau mesyuarat yang **dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor dan ke atas sahaja**.

Walaubagaimanapun dalam keadaan tertentu, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan masih boleh mengemukakan permohonan kepada Pemangku Pengarah, Pejabat Hubungan Antarabangsa dan Korporat (ICR) selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh penggunaan.

Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Nina Norizan, Pegawai Tadbir, ICR di talian 03-7967 7090 atau emel: ninanorizan@um.edu.my.

Sekian, dimaklumkan dan terima kasih.

Yang benar,


PROF. MADYA DR. YONG ZULINA ZUBAIRI
Pemangku Pengarah

s.k. Naib Canselor
Ketua Penolong Pendaftar, ICR

NU917